

**No. 760.**

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

STATUT KETUA SEKOLAH, PUSAT, AKADEMI DAN INSTITUT 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin [P.U. (A) 456/2010], Canselor membuat statut yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Statut ini bolehlah dinamakan Statut Ketua Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut 2024.

(2) Statut ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

**Tafsiran**

2. Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Ketua” ertinya mana-mana pegawai atau pekerja yang dilantik sebagai ketua untuk mengetuai sesuatu Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut di Universiti;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin; dan

“Universiti” ertinya Universiti Sultan Zainal Abidin.

**Pelantikan**

3. (1) Hendaklah ada seorang Ketua, dengan apa jua gelaran, bagi setiap Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut yang ditubuhkan oleh Universiti, yang dilantik oleh Naib Canselor, mengikut seksyen 24(5) Perlembagaan dan Ketua tersebut hendaklah berkhidmat sebagai pegawai sepenuh masa Universiti dan bertanggungjawab untuk menjalankan kewajipannya sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan.

(2) Naib Canselor boleh melantik seorang Ketua untuk mengetuai sesuatu Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut yang ditubuhkan oleh Universiti.

**Fungsi dan kuasa Ketua**

4. Fungsi dan kuasa Ketua termasuklah perkara yang berikut:

(a) menjadi ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang baginya dia dilantik;

- (b) menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang baginya dia dilantik;
- (c) memastikan bahawa peruntukan-peruntukan Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan Universiti dipatuhi dan hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk melaksanakan kewajipannya di Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang baginya dia dilantik, dan khususnya, untuk memastikan bahawa Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut sentiasa menjalankan fungsinya, dan bertindak menurut kuasa, objektif dan tugas yang ditetapkan;
- (d) merencanakan pelan strategik Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut dan mengambil langkah yang perlu atau mengarahkan supaya diambil langkah-langkah yang perlu untuk merealisasikan pelan strategik sesuai dengan visi dan misi Universiti, termasuk kuasa untuk membuat keputusan dalam perkara yang melibatkan kepentingan Universiti;
- (e) bertanggungjawab bagi keseluruhan hal ehwal akademik dan/atau pentadbiran Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut serta menjalankan pengawasan am ke atas segala urusan mengenai sumber manusia, perkhidmatan, pengajaran, penyelidikan, perundingan, kewangan, pentadbiran, kebijakan dan disiplin mengikut mana-mana yang berkenaan di Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang baginya dia dilantik;
- (f) menentukan tarikh, tempat dan masa untuk mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang baginya dia dilantik;
- (g) memastikan bahawa perkara berkaitan dengan keselamatan dan kesejahteraan Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut terpelihara; dan
- (h) menjalankan tugas dan fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

### **Mewakilkan kuasa**

5. (1) Ketua boleh mewakilkan mana-mana kuasanya secara bertulis kepada mana-mana pekerja Universiti di Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang baginya dia dilantik untuk membantu dalam melaksanakan dan menjalankan dengan sejawarnya tugas-tugas Ketua.

(2) Perwakilan ini tidak termasuk kuasa untuk menandatangani perjanjian.

### **Ketiadaan Ketua**

6. Sekiranya Ketua tiada bagi suatu tempoh yang lama atas apa-apa sebab, Naib Canselor boleh memberi kuasa secara bertulis kepada timbalan ketua atau mana-mana pegawai kanan lain di Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang baginya dia dilantik untuk menjalankan kesemua atau mana-mana tugas Ketua, semasa tempoh ketiadaannya.

**Ketua pusat perkhidmatan dan pusat bukan akademik**

7. Statut ini hendaklah terpakai secara *mutatis mutandis* kepada semua Ketua yang dilantik oleh Naib Canselor bagi apa-apa pusat perkhidmatan dan pusat bukan akademik, dengan apa-apa jua nama disebut, tertakluk kepada syarat pelantikan Ketua tersebut.

**Kesahan perbuatan Ketua yang menjalankan tugas berkenaan sebelum kuat kuasa Statut**

8. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Ketua yang menjalankan tugas yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 4 November 2023

K.D.Y.M.M. SULTANAH NUR ZAHIRAH  
*Canselor*  
*Universiti Sultan Zainal Abidin*

**UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971****CONSTITUTION OF UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN****HEAD OF SCHOOL, CENTRE, ACADEMY AND INSTITUTE STATUTE 2024**

In exercise of the powers conferred by section 35(1) of the Constitution of Universiti Sultan Zainal Abidin [P.U. (A) 456/2010], the Chancellor makes the following statute:

**Citation and commencement**

1. (1) This Statute may be cited as the Head of School, Centre, Academy and Institute Statute 2024.

(2) This Statute is deemed to have come into operation on 1 January 2024.

**Interpretation**

2. In this Statute, unless the context otherwise requires—

“Head” means any officer or employee of the University appointed as the head to lead a School, Centre, Academy or Institute in the University;

“Constitution” means the Constitution of Universiti Sultan Zainal Abidin; and

“University” means Universiti Sultan Zainal Abidin.

**Appointment**

3. (1) There shall be a Head, by whatever name, for each School, Centre, Academy and Institute established by the University, appointed by the Vice-Chancellor, in accordance with section 24(5) of the Constitution and the said Head shall serve as full-time officer of the University and is responsible to exercise his duties as embodied in the Constitution, Statutes, Rules and Regulations.

(2) The Vice-Chancellor may appoint a Head to lead a School, Centre, Academy and Institute established by the University.

**Function and power of the Head**

4. The powers and responsibilities of the Head include the following matters:

- (a) to become the head of the School, Centre, Academy or Institute for which he is appointed;
- (b) to become the Chairperson of the Management Committee of the School, Centre, Academy or Institute for which he is appointed;
- (c) to ensure that the provisions of the Constitution, Statutes, Rules and Regulations of the University are complied with and shall have all the necessary powers to perform his duties in the School, Centre, Academy or Institute for which he is appointed, and specifically, to ensure that the School, Centre, Academy or Institute exercises its functions, and to act pursuant to the prescribed powers, objectives and duties;
- (d) to make strategic plan for the School, Centre, Academy or Institute and to take necessary measures or to instruct that necessary measures be taken to realise the strategic plan in accordance with the vision and mission of the University, including the power to make decision in matters involving the interest of the University;
- (e) to be responsible for the overall affairs of academic and administration of the School, Centre, Academy or Institute and to carry out general supervision on all matters concerning human resources, services, teaching, research, consultation, finance, administration, welfare and discipline, as the case may be, in the School, Centre, Academy or Institute for which he is appointed;
- (f) to determine the date, place and time for the meeting of Management Committee of the School, Centre, Academy or Institute for which he is appointed;
- (g) to ensure that matters pertaining to security and well-being of the School, Centre, Academy or Institute are preserved; and
- (h) to perform tasks and other functions as instructed by the Vice-Chancellor from time to time.

**Delegating power**

5. (1) The Head may delegate any of his powers in writing to any employee of the University in the School, Centre, Academy or Institute to assist in the proper performance and exercise of the duties of the Head.
- (2) This delegation shall not include the power to sign an agreement.

**Absence of The Head**

6. Where the Head is absent for a long period due to any reason, the Vice-Chancellor may authorize, in writing, the deputy head or any other senior officer in the School, Centre, Academy or Institute to exercise all or any duties of the Head during the period of absence.

**Head of service centre and non-academic centre**

7. This Statute shall apply *mutatis mutandis* to all heads appointed by the Vice-Chancellor for non-academic centres and service centres, by whatever name called, subject to the terms of appointment of the said heads.

**Validity of acts of Head exercising the duty in question before the coming into operation of Statute**

8. No acts or omissions by the Head who exercises the duty in question before the coming into operation of this Statute shall be invalid on the ground that this Statute has not come into operation.

Made 4 November 2023

K.D.Y.M.M. SULTANAH NUR ZAHIRAH  
*Chancellor*  
*Universiti Sultan Zainal Abidin*